

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1988/89

SBP200 - Teori Pembangunan I

Tarikh: 31 Oktober 1988

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang  
(3 jam)

---

Baca dan fahamkan dengan betul kehendak-kehendak soalan. Jawab SOALAN 1 dan TIGA soalan lain.

SOALAN WAJIB

1. Ada sekumpulan penduduk dari sebuah kampung dipedalaman Malaysia yang sedang melawat USM. Anda telah diminta untuk memberi satu ceramah kepada mereka berkenaan dengan konsep-konsep "PERTUMBUHAN", "PEMBANGUNAN", dan "PEMODENAN". Sediakan satu teks ucapan ceramah tersebut. Pastikan agar ceramah itu mudah difahami selaras dengan taraf pelajaran penduduk berkenaan. Istilah-istilah yang bersifat ilmiah tidak boleh digunakan kerana payah bagi mereka untuk memahaminya.

SOALAN-SOALAN PILIHAN

2. Rostow menghujahkan bahawa "penjajahan" adalah tenaga positif yang menggerakkan perubahan dan kemajuan di negara Dunia Ketiga. Huraikan maksud kenyataan tersebut dan nyatakan sama ada anda bersetuju dengan pandangan Rostow itu.
3. Menurut Ragnar Nurkse, "sebuah negara itu miskin kerana ia miskin". Apakah sebenarnya yang dimaksudkan oleh Nurkse itu dan sejauh mana benarkah pendapatnya itu?
4. Dalam Teori Pemodenan, "tradisi = kemunduran" (tradisi disamakan dengan kemunduran). Huraikan maksud ungkapan tersebut dan nyatakan sama ada anda bersetuju dengannya.

...2-

(SBP 200)

5. Huraikan secara ringkas maksud perkataan berikut:
- (a) rantaian ke hadapan
  - (b) buruh lebihan
  - (c) dualisme sosial
  - (d) modal
6. Menurut penulis-penulis penjajah seperti Clifford, Winstead dan Swettenham, anggota masyarakat pribumi adalah bersikap fatalis, malas, kurang inisiatif serta tidak cergas. Prof. Syed Hussein Al Attas telah membantah kenyataan tersebut dengan sekeras-kerasnya. Huraikan secara ringkas tuduhan-tuduhan penulis-penulis penjajah tadi dan bentangkan bantahan dan alasan beliau itu berkaitan dengan perkara tersebut.

- oo oOo oo -